



Headline: Pembantu akaun rugi RM16,680 ditipu 'Macau Scam' Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 2 December 2019

Section: Tempatan
Page: 2

Pembantu akaun rugi RM16,680 ditipu 'Macau Scam'

SIBU: Seorang pembantu akaun wanita berputih mata apabila mengalami kerugian RM16,680 selepas diperdaya sindiket 'Macau Scam'.

Ketua Polis Daerah Sibul ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata, mangsa berumur 29 tahun itu menerima panggilan daripada seseorang yang mendakwa dirinya anggota polis dari IPK Melaka bernama Mr Leong kelmarin.

"Suspek berkenaan mendakwa mangsa ada dalam senarai yang terlibat dengan kes hutang kad kredit.

"Mangsa memberikan butir-butir peribadi dan maklumat perbankan setelah

diminta oleh suspek.

"Suspek juga meminta mangsa menghantar gambarnya melalui WhatsApp.

"Mangsa mendapati dua kali transaksi dalam talian sebanyak RM10,000 dan RM6,680 setelah mangsa memberikan nombor TAC untuk pengesahan transaksi.

"Wang mangsa telah dipindahkan ke pemilik akaun lain," jelasnya dalam satu kenyataan media semalam.

Katanya, setelah semuanya selesai baharulah mangsa berasa dirinya telah ditipu individu tidak dikenali dan anggaran kerugian yang dialami mencecah RM16,680.